

12 AUG 1998

Ghani-UMNO

SEMUA BAHAGIAN UMNO JOHOR AKAN CALON DR MAHATHIR

KUALA TERENGGANU, 12 Ogos (Bernama) -- Kesemua 20 bahagian UMNO di negeri Johor akan memberi sokongan padu kepada pencalonan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden UMNO pada pemilihan parti itu tahun depan, kata Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

Abdul Ghani yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Johor turut mengalu-alukan kenyataan terbuka Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam bahawa beliau tidak akan mencabar Dr Mahathir pada pemilihan itu.

Timbalan Perdana Menteri membuat kenyataan itu pada majlis perasmian Menara UMNO Pulau Pinang oleh Dr Mahathir semalam.

"Kenyataan Timbalan Presiden itu adalah seiring dengan pendirian UMNO Johor sebelum ini bahawa tiada sebarang pergolakan dalam kepimpinan UMNO," katanya kepada pemberita selepas melawat Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu di sini.

Beliau menegaskan UMNO Johor tidak pernah merasa resah dengan khabar-khabar angin yang cuba melagakan-lagakan para pemimpin tertinggi UMNO kerana yakin kesemua dakyah itu tidak berasas.

Katanya dakyah-dakyah itu sama ada dihebohkan oleh pihak luar atau dalam negara, merupakan rekanaan semata-mata.

"Semua perkara ini bertujuan untuk menggugat kestabilan politik dan menimbulkan keresahan di kalangan penduduk negara ini," kata Abdul Ghani.

Bagaimanapun, katanya, pengumuman Anwar itu sudah pasti dapat membanteras cerita-cerita palsu itu dan memperkukuhkan parti.

Menteri Besar Johor itu yakin kesemua bahagian UMNO di seluruh negara juga akan memberi sokongan padu terhadap Dr Mahathir sebagai Presiden parti.

-- BERNAMA

sbj oba